

4 bot nelayan Vietnam ditenggelamkan

31/8/2021 MS:25

Proses pelupusan bot itu dilakukan pada jarak 4.4 batu nautika dari Pantai Sabak

PASIR PUTEH

Agenensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Kelantan pada Selasa melupuskan empat bot nelayan asing Vietnam secara penenggelaman untuk dijadikan tukun tiruan di perairan negeri itu.

Pengarah Maritim Kelantan, Kepten Syed Nor Adli Syed Ab Rahman berkata, proses pelupusan bot-bot yang telah dirampas serta dilucutkan hak itu dilakukan pada jarak 4.4 batu nautika dari Pantai Sabak Pengkalan Chepa, dekat Kota Bharu.

Beliau berkata, kesemua bot nelayan yang ditenggelamkan itu dianggarkan berjumlah RM6 juta dengan nilai denda mahkamah sebanyak RM4.2 juta.

"Kesemua bot yang dilupuskan ditahan melalui Operasi Naga Barat pada 2019 dan Operasi Kuda Laut tahun lepas, atas kesalahan menceroboh perairan dan melakukan aktiviti perikanan tanpa kebenaran di perairan Kelantan."

"Penahanan empat bot ini juga melibatkan penahanan 36 kru termasuk tekong nelayan Vietnam. Kesemuanya disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985



Sebahagian empat bot nelayan Vietnam ditenggelamkan dijadikan tukun tiruan di perairan Kelantan pada Selasa.

kerana menangkap atau cuba menangkap ikan di perairan Malaysia," katanya di Ibu Pejabat Maritim Kelantan di sini pada Selasa.

Beliau ditemui selepas menyaksikan operasi pelupusan yang dilaksanakan selama kira-kira dua jam dan operasi turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Maritim Malaysia, Khairul Anwar Bachok.

Syed Nor Adli berkata, bagi tahun ini operasi pelupusan berkenaan merupakan pelaksanaan kali kedua melibatkan bot nelayan asing Vietnam, dengan bagi kali pertama, ia dijalankan pada April dan Mei lepas melibatkan dua bot yang dilupuskan dengan kaedah dihancurkan.

"Sejak 2007, APMM Kelantan telah melupuskan 242 bot nelayan asing Vietnam dengan anggaran nilai RM363 juta.

"Sebanyak 181 bot dilupuskan secara penenggelaman untuk dijadikan tukun tiruan yang di-tempatkan di sekitar perairan Tok Bali, Kuala Besar, Tumpat, Pulau Perhentian serta Taman Tukun Keputeraan.

"Sementara itu, 16 bot dihancurkan berikutan struktur fizikal yang reput dan tidak layak dijadikan tukun, 25 bot dijual atau dilelong dan 20 bot dihadiahkan kepada agensi-agensi kerajaan termasuk universiti atas pelbagai jenis tujuan yang tidak melibatkan aktiviti perikanan," jelasnya.

Bagaimanapun beliau berkata, kaedah pelupusan secara jual atau lelong telah dihentikan kerana berlakunya komplot oleh warga tempatan yang menjadi ejen kepada pemilik asal dengan membida serta membeli bot yang dilelong kemudian dihantar semula ke Vietnam. - Bernama